

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XIII)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS
YB. AZRUL MAHATHIR BIN AZIZ**

6. Apakah status pembinaan Pasar Awam Teluk Kumbar?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

6. Cadangan pembinaan Pasar Awam Teluk Kumbar telah bermula sejak lima (5) tahun yang lalu melalui satu pertandingan reka bentuk peringkat kebangsaan yang dianjurkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bagi mendapatkan reka bentuk pasar moden yang kreatif dan inovatif

Pertandingan tersebut berjaya menarik sebanyak 35 pendaftaran dan antaranya terdapat 27 orang peserta yang mengemukakan hasil reka bentuk masing-masing. SAM Arkitek Perunding telah dipilih sebagai pemenang bagi pertandingan tersebut dan seterusnya dilantik sebagai perunding projek melalui keputusan Mesyuarat Lembaga Perolehan Bil. 04/2017 yang bertarikh 24 Mei 2017.

Reka bentuk Pasar Teluk Kumbar telah dibentangkan dan dibincangkan diperingkat Majlis beberapa kali bagi memantapkan cadangan ini dan juga di atas kekangan kos projek dan keadaan tapak yang curam.

Selaras dengan inisiatif Kerajaan Negeri ke arah '*Cleaner, Greener, Safer, Healthier and Happier Penang*', projek tersebut direka bentuk dengan ciri-ciri untuk mencapai pengiktirafan '*Green Building Index*' (GBI) sekurang-kurangnya tahap '*certified*'. Pasar tersebut juga disasar

untuk mencapai matlamat sebagai '*triple net zero -Energy, Water and Waste*' pasar yang pertama di Malaysia.

Pasar Awam Teluk Kumbar yang bakal dibina ini akan dilengkapi dengan 140 buah gerai di mana terdapatnya pembahagian produk barangan basah dan kering, gerai runcit, gerai medan selera dan juga kemudahan-kemudahan tandas dan bilik persalinan yang memberi pertimbangan kepada reka bentuk sejagat (*Universal Design*). Anggaran kos bagi pembinaan pasar adalah lebih kurang RM18 juta dan tempoh pembinaan pasar tersebut dijangka akan mengambil masa selama 24 bulan.

Pra-kelayakan tender telah diiklankan pada 13 November 2017 dan ditutup pada 27 November 2017. Mesyuarat Lembaga Perolehan Bil. 02/2018 yang bertarikh 28 Februari 2018 telah meluluskan sebanyak sembilan (9) petender yang disenarai pendek untuk melepasi peringkat pra-kelayakan tender. Panggilan tender bagi projek tersebut telah dibuat pada 31 Januari 2020 dan ditutup pada 24 Februari 2020. Projek tersebut kini sedang dalam peringkat penilaian tender oleh perunding projek dan dijangka akan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Perolehan MBPP yang akan datang.